

01 DEC 2001

Ong-Perancangan

KEGIATAN PERANCANGAN BANDAR LEBIH SEIMBANG MULAI TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Kegiatan perancangan bandar dan desa yang lebih seimbang akan dapat diwujudkan apabila Majlis Perancangan Fizikal Negara dibentuk tahun depan, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Beliau berkata majlis itu, yang akan dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membolehkan perundingan secukupnya antara kerajaan Pusat dan Kerajaan negeri dengan semua pihak berkuasa tempatan.

"Akta Perancangan Bandar dan Desa telah dipinda pada sesi Parlimen yang lalu untuk mewujudkan Majlis Perancangan Fizikal Negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran Dunia Buku Cina di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia (MIECC) di Mines Resort City di Seri Kembangan, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata selain Perdana Menteri, majlis itu turut dianggotai Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku timbalan pengerusi majlis serta Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa kementerian sebagai setiausaha majlis.

Menurutnya dengan pindaan akta itu, kegiatan perancangan bandar dan desa akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan pada tahun depan.

Dalam perkembangan lain, Ong berkata anggota majlis pihak berkuasa tempatan hanya boleh menggunakan kuasa mereka untuk tujuan yang berkaitan dengan tanggungjawab mereka dan bukan untuk tujuan lain.

Beliau berkata mereka hanya boleh menggunakan kad nama dengan jawatannya dalam pihak berkuasa tempatan untuk tujuan memperkenalkan diri sebagai ahli majlis dan membincangkan hal-hal berkaitan majlis tempatan.

Ong mengulas mengenai laporan sebuah akhbar harian Inggeris hari ini yang memetik kenyataan seorang Anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang DAP mendakwa dua anggota majlis perbandaran melanggar etika dengan memasukkan "Majlis Perbandaran Pulau Pinang" dalam kad perniagaan mereka.

ADUN Batu Lanchang Danny Law Heng Kiang (DAP) berkata kad kedua-duanya, yang merupakan wakil Gerakan dalam majlis itu, mengandungi nama majlis yang mereka wakili dan nama syarikat mereka, dan meminta pihak berkuasa menyiasat perkara ini.

-- BERNAMA

AT AZZ NAK